

## **MODEL TERUNGGUL KEPEMIMPINAN BERINTEGRITI**

Encik Nasrun bin Abdullah  
Pegawai Integriti (PIA1)  
Cawangan Pengukuhan Integriti & Pengurusan Aduan  
Unit Integriti  
Kementerian Pembangunan Luar Bandar

Meneliti sorotan media saban hari memperlihatkan kepada kita pelbagai isu-isu integriti berlaku dalam negara. Penangkapan individu tertentu oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berkait salah laku dan rasuah semakin membimbangkan. Isu pas terbang, cop terbang, lesen terbang dan sebagainya amat mendukacitakan dan tidak boleh dipandang remeh. Lebih menyedihkan apabila isu integriti ini melibatkan orang Islam yang telah lama dididik dengan nilai iman dan pembalasan hari akhirat.

Pada awal kemunculan tamadun Islam, nilai iman dan integriti sangat mendasari kehidupan para sahabat dan umat Islam ketika itu. Didikan Rasulullah SAW. sangat menitikberatkan nilai-nilai murni dalam kehidupan sama ada secara individu, keluarga, masyarakat mahupun bernegara.

Namun, sejarah juga memperlihatkan bagaimana jatuhnya empayar Uthmaniyyah akibat kejatuhan akhlak dan nilai moral. Al-Quran telah memaparkan pelbagai kisah kebangkitan dan keruntuhan sesebuah tamadun bangsa, pemerintahan dan kerajaan. Hampir 1,500 ayat atau satu perempat kandungan al-Quran mengandungi sejarah sebagai peringatan. Al-Quran turut merakam watak pemimpin korup yang tidak berintegriti, antaranya:

- Firaun adalah pemerintah diktator, mempunyai kuasa mutlak menghukum musuh, mendakwa dirinya tuhan serta meyakini tiada kuasa lain boleh menggugat pemerintahannya. Haman pula sentiasa berlegar disisi Firaun menjalankan tugas ampu-mengampu memperkukuh kekuasaan Firaun.
- Qarun, tokoh korporat yang mendapat manfaat daripada pemerintah, membantu pemerintah, sekali gus mengaut habuan lumayan tanpa pedulikan kesengsaraan orang lain.

- Begitu juga disebut beberapa kaum rosak integriti kemanusiaannya, lalu dihapuskan oleh Allah SWT. seperti kaum Thamud (umat Nabi Saleh), kaum Aad (umat Nabi Hud) dan umat Nabi Lut. Ia berkait rapat dengan pencemaran integriti paling tinggi, iaitu mensyirikkan Allah SWT selain sifat keji yang lain.

Sirah telah merakamkan kepada kita bagaimana Rasulullah SAW memperlihatkan model terunggul kepemimpinan, memenuhi fitrah manusia melalui sifat amanah, *siddiq*, *tabligh* dan *fatimah*. Pemimpin Arab Quraish memberi gelaran 'al-Amin' kepada Baginda kerana ketinggian sifat integriti dan akauntabiliti serta menyantuni masyarakat dengan penuh hikmah.

Gelaran tersebut membangkitkan rasa hormat berterusan orang-orang Quraisy kepada Rasulullah SAW. Tetapi, cabaran yang dihadapi oleh Baginda juga cukup hebat. Abu Jahal, pemimpin kanan Quraisy, menawarkan jawatan raja, perempuan cantik dan harta kekayaan supaya Rasulullah SAW tidak meneruskan perjuangan Islam. Namun, Rasulullah SAW menolak tawaran tersebut dengan tegas dan tuntas.

Seterusnya, Saidina Abu Bakar al-Siddiq RA. meletakkan asas integriti yang kukuh semasa pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin, dengan berkata:

*Wahai manusia, sesungguhnya aku dilantik menjadi pemimpin kamu, bukanlah aku yang terbaik dalam kalangan kamu; jika aku berbuat baik, bantulah aku, jika aku berbuat salah, betulkanlah aku. Jujur itu adalah amanah, bohong itu adalah khianat. Taatlah aku selagi aku taat kepada Allah dan Rasul-Nya. Jika aku derhaka terhadap Allah dan Rasul-Nya, maka tiada ketaatan untukku.*

Kepemimpinan berintegriti ini diteruskan oleh Saidina Umar al-Khattab RA. Pernah suatu ketika, anaknya Abdullah, membeli beberapa ekor unta yang kurus pada harga yang rendah. Kemudian unta-unta ini dihantar ke padang ragut milik negara untuk digemukkan. Apabila sampai tempohnya, Abdullah berjaya menjual unta-unta ini pada harga yang tinggi. Hal ini sampai ke pengetahuan Saidina Umar. Baginda telah mengarahkan keuntungan tadi dimasukkan ke dalam perbendaharaan negara kerana dengan alasan unta-unta tadi makan di padang ragut milik negara.

Pendekatan sama diperlihatkan oleh Khalifah Umar Abdul Aziz ketika diangkat menjadi khalifah. Masyarakat umum membayangkan, tatkala diangkat ke jawatan tinggi serta memiliki kuasa, tentu Baginda akan gembira dan berpesta ria. Namun sebaliknya berlaku, apabila Baginda bersedih dan menangis teresak-esak kerana takut akan ujian Ilahi yang melibatkan kuasa dan tanggungjawab sebagai pemimpin. Bahkan pada hari kedua pemerintahan, Baginda berkhotbah:

*Aku bukan orang yang paling baik dalam kalangan kamu, sedangkan aku orang yang paling berat tanggungjawabnya dalam kalangan kamu.*

Sepanjang pemerintahan, Khalifah Umar Abdul Aziz menolak segala kemewahan, malah menjual kenderaan dan peralatan diperuntukkan kepada beliau, lalu menyerahkan hasil jualan kepada baitulmal negara. Inilah sikap diperlihatkan dalam menghayati sifat amanah dan akauntabiliti.

Dinyatakan juga dalam Kitab al-Bidayah wa al-Nihayah oleh Ibnu Kathir, ketika Khalifah Abdul Malik bin Marwan hampir meninggal dunia, beliau terdengar bunyi orang membasuh pakaian, lalu berkata:

*Alangkah baiknya aku menjadi orang yang membasuh pakaian, bukannya sebagai pemerintah.*

Ungkapan ini membayangkan bahawa pembasuh kain yang tiada jawatan adalah lebih beruntung daripadanya kerana tiada tanggungjawab besar akan dihisab oleh Allah di akhirat kelak.

Sebagai muslim yang beriman dan menghayati integriti dalam kehidupan, maka tadabburlah al-Quran, selami sunnah Rasulullah SAW dan fahami sejarah sebagai ibrah daripada kebangkitan dan keruntuhan sesebuah tamadun. Jadikan Rasulullah SAW dan para sahabat sebagai rujukan dan panduan dalam kehidupan. Lazimi *amar makruf, nahi mungkar* dan tetapkan iman demi membina masyarakat berintegriti.